

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Objektif utama bagi pemikir ekonomi makro dan pembuat dasar adalah untuk mencapai kestabilan di dalam ekonomi makro. Bagi mencapai kestabilan ini, ia memerlukan suatu piawaian tertentu bagi tingkat kadar inflasi, pertumbuhan optimal output, nilai mata wang dalam pertukaran asing danimbangan pembayaran yang menguntungkan. Keadaan ini dapat dicapai melalui interaksi dinamik di antara pembolehubah ekonomi seperti penawaran dan permintaan wang, kadar bunga, tingkat pendapatan dan kadar inflasi. Ini bermakna, impak polisi bagi satu pembolehubah akan memberikan kesan ke atas semua pembolehubah dalam sistem tersebut. Justeru, kecemerlangan ekonomi sesebuah negara, terutamanya dalam mencapai objektif tertentu seperti kestabilan harga dan kadar guna tenaga yang tinggi, berhubung rapat dengan keberkesanan sesuatu dasar dan strategi yang dijalankan.

Antara alat utama yang digunakan dalam pengurusan ekonomi makro adalah dasar kewangan. Di dalam pencapaian objektif dasar kewangan, pihak berkuasa kewangan akan mengarahkan dasar kepada sasaran kewangan perantaraan yang mana pihak berkuasa percaya bahawa sasaran tersebut bertindakbalas kepada alat dasar

kewangan (BNM(1994)). Pelaksanaan dasar kewangan adalah berkait rapat dengan pasaran wang serta sistem kewangan dalam sesebuah ekonomi. Wang, sistem kewangan dan dasar kewangan mempunyai peranan yang penting dalam mempengaruhi ekonomi dan seterusnya kebijakan dan kesejahteraan penduduk di sesebuah negara. Apabila ketiga-tiganya dapat digunakan dan diuruskan dengan baik, masalah yang dikatakan berpunca daripada wang seperti inflasi, pengangguran, imbangan perdagangan dan kemelesetan ekonomi, dapat diminimumkan.

1.2 Latar Belakang Wang dan Ekonomi

BNM (1994) mendefinisikan wang kepada tiga jenis (M1, M2 dan M3) yang dipadankan dengan fungsi tradisi wang, iaitu sebagai alat pertukaran, penyimpan kuasa beli dan sebagai unit akaun. M1 iaitu bekalan wang secara kecil, terdiri daripada duit syiling, wang kertas dan akaun semasa (deposit permintaan) yang dipegang oleh sektor swasta. Pada akhir bulan Disember 2000, M1 berjumlah sebanyak RM 78.2 ribu juta, di mana 72% daripadanya adalah dalam bentuk deposit permintaan dengan bank perdagangan dan bakinya dalam bentuk mata wang kertas dan duit syiling (mata wang dalam edaran) (BNM(1994)).

M2 didefinisikan sebagai M1 campur separuh wang secara kecil yang terdiri daripada deposit tabungan sektor swasta di bank perdagangan, deposit tetap sektor swasta, instrumen deposit boleh niaga (IDB), urus niaga perjanjian belian balik (repo) yang dilakukan oleh bank perdagangan dan deposit mata wang asing (deposit di dalam mata wang asing yang disimpan oleh penduduk Malaysia dengan bank perdagangan) (BNM(2001)).

Bagi wang secara meluas iaitu M3, ia terdiri daripada M2 campur deposit yang disimpan dengan institusi perbankan yang lain, tidak termasuk simpanan antara institusi perbankan tersebut. Deposit tersebut merujuk kepada jumlah deposit tabungan dan deposit tetap (termasuk deposit Sistem Perbankan Islam (SPI)), IDB, repo dan deposit mata wang asing yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank dengan syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskau dan Bank Islam (BNM(2001)).

Bekalan wang di Malaysia mengalami perkembangan pesat sejak tiga dekad yang lalu. Arah aliran pertumbuhan ketiga-tiga agregat kewangan dapat diuraikan dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2. Peningkatan bekalan wang ini selaras dengan perkembangan yang pesat dalam proses pengewangan, peningkatan peranan wang dalam ekonomi, pertambahan alat kewangan dan perkhidmatan perbankan dan perkembangan aktiviti kredit sistem perbankan (BNM(1994)). Dalam tempoh 1970-1980, bekalan wang M1, M2 dan M3 berkembang pada kadar purata tahunan masing-masing 16.51%, 20.33% dan 13.81%. Peningkatan yang tinggi dalam M2 ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang cepat dalam tabungan sektor swasta dengan sistem perbankan (BNM(1994)).

Dalam tempoh 1981-1990, ketiga-tiga agregat kewangan mencatatkan penurunan dalam kadar pertumbuhan, disebabkan oleh kesan kemelesetan ekonomi pada tahun 1984. Walaupun pada tempoh 1991-2000, ketiga-tiga agregat kewangan mencatatkan kadar pertumbuhan yang meningkat kesan daripada pemulihan ekonomi sejak penghujung tahun 1980-an, namun peningkatan ini tidak begitu besar kerana sekali lagi pada akhir tahun 1990-an, iaitu pada 1997-98, negara sekali lagi mengalami kemelesetan ekonomi. Sementara itu, pada tahun 2000, walaupun didapati bekalan wang terus meningkat sejajar dengan pemulihan ekonomi, akan tetapi, agregat kewangan ini meningkat pada

kadar yang lebih sederhana berbanding tahun 1999. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor tertentu (BNM(2000a)). Bagi wang secara kecil, M1, pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh pemulangan mata wang oleh sektor swasta dengan berlalunya Y2K. Sementara itu, perkembangan wang secara luas telah dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi dalam negeri, pengaliran keluar dana, serta simpanan deposit di BNM oleh institusi kewangan bukan bank. Secara keseluruhan, pertumbuhan bekalan wang di Malaysia menunjukkan arah aliran yang menaik, seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1.1.

Jadual 1.1: Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (%) : M1, M2 dan M3

	M1	M2	M3
1970-1980	16.51	20.33	13.81
1981-1990	9.70	11.67	13.56
1991-2000	13.33	15.73	14.96

Sumber: BNM (2001)


Jadual 1.2: Agregat Kewangan (RM juta) dan Kadar Pertumbuhan Tahunan (%) :

M1, M2 dan M3

Pada Akhir Tempoh	M1 (RM juta)	(%)	M2 (RM juta)	(%)	M3 (RM juta)	(%)
1970	2,032.5	8.0	4,122.3	10.9	-	-
1971	2,120.4	4.3	4,668.2	13.2	-	-
1972	2,715.5	28.1	5,762.4	23.4	-	-
1973	3,735.2	37.6	7,551.9	31.1	8,313.4	-
1974	4,055.3	8.6	8,713.9	15.4	9,791.0	17.8
1975	4,348.8	7.2	9,981.5	14.5	11,322.7	15.6
1976	5,257.0	20.9	12,748.2	27.7	14,496.3	28.0
1977	6,127.4	16.6	14,819.0	16.2	16,894.4	16.5
1978	7,242.8	18.2	17,466.5	17.9	20,270.9	20.0
1979	8,487.0	17.2	21,706.4	24.3	25,457.5	25.6
1980	9,761.4	15.0	27,991.8	29.0	32,687.6	28.4
1981	11,014.5	12.8	32,772.7	17.1	38,051.6	16.4
1982	12,476.7	13.3	37,899.9	15.6	44,357.8	16.6
1983	13,432.3	7.7	42,264.1	11.5	51,705.7	16.6
1984	13,356.7	-0.6	47,733.2	12.9	59,772.6	15.6
1985	13,578.9	1.7	50,412.2	5.6	65,607.7	9.8
1986	13,957.0	2.8	56,096.8	11.3	71,399.9	8.8
1987	15,768.2	13.0	59,771.7	6.6	74,891.7	4.9
1988	17,839.8	13.1	64,072.1	7.2	80,987.6	8.1
1989	21,248.7	19.1	74,392.8	16.1	97,668.3	20.6
1990	24,240.5	14.1	83,902.9	12.8	115,435.7	18.2
1991	26,903.0	11.0	96,092.5	14.5	133,120.8	15.3
1992	30,395.1	13.0	114,480.9	19.1	159,177.9	19.6
1993	41,792.3	37.5	139,800.0	22.1	196,611.1	23.5
1994	46,470.9	11.2	160,365.6	14.7	222,329.8	13.1
1995	51,923.9	11.7	198,873.3	24.0	271,948.4	22.3
1996	60,585.3	16.7	238,208.6	19.8	329,707.6	21.2
1997	63,365.1	4.6	292,217.1	22.7	390,809.3	18.5
1998	54,134.7	-14.6	296,472.0	1.5	401,459.2	2.7
1999	73,447.2	35.7	337,138.2	13.7	434,590.1	8.3
2000	78,216.4	6.5	354,702.1	5.2	456,496.3	5.0

Sumber: BNM (2001)

Rajah 1.1: Bekalan Wang (RM juta) di Malaysia, 1970-2000



Sumber: BNM (2001)

Pada asasnya, wang diwujudkan bagi memudahkan proses urusniaga. Wang diperlukan kerana ia memudahkan pertukaran melalui beberapa cara. Terdapat sekurang-kurangnya empat fungsi utama wang, iaitu pertama, sebagai media pertukaran; kedua, sebagai unit pengukur; ketiga, sebagai penyimpan nilai; dan keempat, sebagai piawai pembayaran tertunda.

Sebagai alat perantaraan pertukaran, wang memudahkan proses pertukaran dengan cara memungkinkan barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh satu pihak (pengeluar) dipindahmilik kepada pihak yang ingin menggunakannya (pengguna). Proses pertukaran ini melibatkan urus niaga jual-beli. Selain dapat membeli barang yang dikehendaki, wang juga dapat mengelakkan masalah mencari kehendak berkebetulan, seperti yang berlaku dalam sistem barter. Sebagai unit pengukur, wang membolehkan urusniaga ekonomi berjalan dengan lebih lancar dan cekap. Barang dapat dinilai dan diberi harga dengan unit wang. Dengan menggunakan harga, perbandingan sama ada barang tersebut mahal atau murah, dapat ditentukan.

Apabila masyarakat dapat menerima wang sebagai media pertukaran, ini bermakna wang dapat digunakan sebagai penyimpan nilai. Wang berfungsi sebagai simpanan nilai kerana ciri-cirinya seperti tahan lama dan boleh disimpan serta mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia diterima umum. Selain itu, wang dapat dijadikan alat bayaran tertunda atau penjelasan hutang. Melalui penggunaan wang, urus niaga dapat dilakukan tanpa pembayaran. Sebagai contoh, kebanyakan pembekal terpaksa memberi kredit kepada pertuncit dan pembeli lain bagi memastikan jualan pembekal itu tidak berkurangan, sementara penghutang yang menerima bayaran akan membuat pembayaran pada suatu tempoh yang telah ditetapkan.

Selain empat fungsi wang yang telah diterangkan, wang turut mempunyai kaitan dengan perubahan dalam pembolehubah ekonomi. Perhubungan di antara wang dengan pembolehubah ekonomi dapat mempengaruhi corak ekonomi di sesebuah negara. Misalnya, wang merupakan pengaruh utama ke atas berlakunya kitaran perniagaan (*business cycles*), inflasi dan perubahan turun naik dalam kadar bunga.


Kitaran perniagaan merujuk kepada keadaan di mana berlakunya peningkatan dan penurunan dalam jumlah pengeluaran (Mishkin(1998)). Kitaran perniagaan dapat mempengaruhi kesejahteraan dalam sesebuah ekonomi. Misalnya, apabila pengeluaran negara meningkat, adalah mudah bagi penganggur untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Sebaliknya, dalam keadaan ekonomi yang menurun, peluang pekerjaan adalah terhad. Antara bukti yang menunjukkan bahawa wang menyebabkan kitaran perniagaan berlaku, dapat dirujuk berdasarkan Rajah 1.2 yang menunjukkan pergerakan dalam kadar pertumbuhan wang di Malaysia bagi tempoh 1970-2000.

Empat garisan menegak yang ditunjukkan di dalam rajah ini mewakili jangkamasa kemerosotan ekonomi, iaitu suatu tempoh yang merujuk kepada penurunan di dalam jumlah pengeluaran (*aggregate output*). Didapati, kadar pertumbuhan wang mengalami penurunan pada masa berlakunya kemelesetan ekonomi. Sebagai contoh, pada tahun 1984, bekalan wang secara kecil (M1) menurun. Pertumbuhannya meningkat semula selepas tahun 1985. Sejak pemulihan ekonomi, pertumbuhan M1 semakin kukuh dan meningkat dengan cepat daripada 1.7% dalam tahun 1985 dan 2.8% dalam tahun 1986 kepada 13% dalam tahun 1987 ,13.1% dalam tahun 1988 dan 19.1% dalam tahun 1989. Keadaan ini membuktikan bahawa perubahan di dalam pertumbuhan wang mungkin menyebabkan berlakunya turun naik kitaran perniagaan (BNM(2001)).

Wang juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas inflasi. Seperti mana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.3, yang menggambarkan pergerakan harga purata dalam ekonomi Amerika Syarikat sepanjang tahun 1950-1996, didapati, harga bagi kebanyakan barang semakin meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini dikenali sebagai inflasi, iaitu suatu keadaan di mana berlakunya peningkatan yang berterusan dalam tingkat harga (merujuk kepada harga purata bagi barang dan perkhidmatan) yang mana pada akhirnya memberi kesan ke atas individu, perniagaan dan kerajaan.


Rajah 1.3 menunjukkan hubungan di antara penawaran wang dengan tingkat harga. Didapati, pergerakan tingkat harga adalah hampir menyamai pergerakan penawaran wang. Keadaan ini memberikan implikasi bahawa, peningkatan yang berterusan dalam penawaran wang mungkin merupakan faktor yang penting menyebabkan berlakunya peningkatan yang berterusan di dalam tingkat harga, iaitu merujuk kepada inflasi.

Rajah 1.2: Kadar Pertumbuhan Wang dan Kitaran Perniagaan
di Malaysia, 1970-2000




Sumber: BNM (2001)

**Rajah 1.3: Tingkat Harga Purata dan Penawaran Wang
di Amerika Syarikat, 1950-1996**



Sumber: Mishkin (1998)

Rajah 1.4: Pertumbuhan Wang dan Kadar Faedah bagi Bil Perbendaharaan di Malaysia, 1980-2000



Sumber : BNM(2000)

Selain tingkat inflasi dan kitaran perniagaan, wang turut berupaya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perubahan bagi naik turun di dalam kadar bunga. Ini dapat diterangkan dengan Rajah 1.4 yang menunjukkan perubahan di dalam kadar faedah ke atas Bil Perbendaharaan dan kadar pertumbuhan wang bagi M1, M2 dan M3. Bil Perbendaharaan adalah merujuk kepada sekuriti hutang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan (BNM(2001)). Ia dikeluarkan oleh kerajaan untuk meminjam daripada bank perdagangan atau orang perseorangan bagi memenuhi keperluan kewangan pada masa tertentu. Antara ciri-ciri pentingnya adalah termasuk tempoh matang asal tidak melebihi satu tahun, kadar faedah tidak dibayar dan bil-bil dikeluarkan pada nilai muka yang didiskaun.

Rajah 1.4 menunjukkan perubahan di dalam kadar faedah ke atas Bil Perbendaharaan dan kadar pertumbuhan wang bagi M1, M2 dan M3. Apabila kadar pertumbuhan wang meningkat dalam tahun 1986-1990, ini diikuti dengan penurunan dalam kadar faedah ke atas Bil Perbendaharaan. Manakala, penurunan kadar pertumbuhan wang di antara tahun 1998-2000, menyaksikan peningkatan di dalam kadar faedah tersebut.

Oleh kerana wang berupaya mempengaruhi pelbagai pembolehubah ekonomi yang penting, maka pengurusan ke atas Dasar Kewangan , iaitu pengurusan ke atas wang dan kadar bunga adalah penting dijalankan dengan baik. Bagi mencapai objektif tersebut, aspek permintaan dan penawaran wang akan dikaji berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhinya, kerana kesan daripada faktor tersebut memberikan impak penting ke atas pelaksanaan dasar kewangan di sesebuah negara. Maka, pihak yang terlibat dalam

mengawal pengurusan tersebut iaitu Bank Negara Malaysia harus dapat mengenalpasti aspek-aspek penting pasaran wang agar dasar kewangan dapat diuruskan dengan baik.

1.3 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji secara deskriptif pasaran wang yang melibatkan permintaan dan penawaran wang, sistem kewangan dan dasar kewangan di Malaysia.
2. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran wang di Malaysia secara ekonometrik.
3. Merumuskan implikasi faktor-faktor tersebut ke atas dasar kewangan yang dijalankan di Malaysia.

1.4 Metodologi Penyelidikan

Data yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan data sekunder yang diperolehi daripada buletin perangkaan bulanan oleh BNM dan laporan statistik tahunan IMF iaitu International Financial Statistics Yearbook yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya. Data-data ini kemudiannya akan diproses melalui pakej komputer Eviews yang terdapat di makmal komputer, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

1.5 Organisasi Penulisan

Organisasi di dalam kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan tentang peranan wang di dalam ekonomi di samping menerangkan

definisi wang yang terdiri daripada M1, M2 dan M3. Bab ini turut membincangkan objektif kajian ini dilakukan.

Bab 2 membincangkan tentang pasaran wang, sistem dan dasar kewangan di Malaysia sepanjang tahun 1970-2000. Perbincangan ini bertujuan memberikan gambaran umum mengenai latar belakang pasaran wang, sistem kewangan yang ada di Malaysia serta dasar kewangan yang dijalankan oleh pihak berkuasa kewangan di negara ini.

Bab 3 membincangkan sorotan karya lampau yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Kajian empirikal yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas telah dimasukkan ke dalam bab ini. Perbincangan adalah tertumpu kepada hipotesis-hipotesis, model-model dan keputusan kajian bagi setiap kajian lampau yang dikaji.

Manakala di dalam bab 4, perbincangan ~~adalah~~ adalah tertumpu kepada teori kewangan yang berkaitan dengan pasaran wang, terutamanya teori permintaan wang dan teori penawaran wang yang merupakan asas kepada pembentukan model kajian. Selain itu, turut dibincangkan teori tentang keseimbangan dalam pasaran wang.

Bab 5 membincangkan tentang pembentukan model permintaan dan penawaran wang. Selain itu, turut dibincangkan adalah penerangan tentang metodologi kajian dan kaedah penganggaran model yang akan digunakan.

Penemuan empirikal diperbincangkan di dalam bab 6. Hasil keputusan regresi dan diperbincangkan secara ekonomi dan statistik 

Dalam Bab 7, perbincangan adalah tertumpu kepada ringkasan penemuan dan implikasi dasar daripada keseluruhan kajian ini.